



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20110727-KB1862

27 Julai 2011

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2011

Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan

PEMINDAHAN LOKASI ASET DAN INVENTORI UNIVERSITI SEJAJAR DENGAN PROSES PEMINDAHAN KE BANGUNAN BARU DAN PENYUSUNAN SEMUA PEJABAT DI KOLEJ

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa terdapat item aset dan inventori yang telah dipindahkan ke lokasi baru tanpa mematuhi peraturan dan kawalan pengurusan aset serta inventori Universiti.

Keadaan ini akan menjelaskan ketepatan laporan aset dan inventori berbanding dengan aset dan inventori yang sebenar ada pada sesuatu lokasi yang sering ditegur oleh Jabatan Audit Negara.


Tindakan surcaj boleh diambil kepada mana-mana pegawai yang memindahkan aset dan inventori tanpa kelulusan dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

Oleh itu, dimohon kerjasama tuan/puan agar dapat mematuhi peraturan pengurusan aset dan inventori yang telah ditetapkan oleh Universiti.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah


(HJ. AMRON MAN)

Bendahari

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor
- YBerusaha Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran



MSC
MALAYSIA
Status Institution